

Kepada :

Seksyen Pengurusan Pembiayaan

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

Nama : .....

Alamat : .....

.....

.....

.....

Tuan / Puan,

**PERKARA : AKUJANJI (MENJUAL HARTA/MENCAGAR SEMULA) HARTA BELUM GADAI/PENYERAHANHAK TANGGUNGAN SERTA PENYELESAIAN PINJAMAN/ PELEPASAN DOKUMEN SEKURITI/ PEMULANGAN BAKI LEBIHAN BAYARAN (SEKIRANYA ADA) BAGI HARTANAH YANG JUMLAH PEMBIAYAAN BELUM LAGI DIKELUARKAN SEPENUHNYA (100%)**

**NO AKAUN :**

**HARTANAH :**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas. Sebagai balasan kepada persetujuan pihak LPPSA ke atas permohonan saya untuk mendapatkan penyata baki hutang untuk menjual/ mencagar semula hartanah yang belum disempurnakan gadaian dan/ atau hartanah yang jumlah pembiayaannya belum dikeluarkan sepenuhnya (100%) serta untuk tujuan penyelesaian pinjaman, pelepasan dokumen sekuriti dan pemulangan lebihan bayaran, dengan ini saya bersetuju dan membuat akujanji seperti di bawah, berkuatkuasa serta-merta dari tarikh surat ini:

1. Pihak LPPSA selaku pembiaya kemudahan pinjaman perumahan saya, kini dilepaskan daripada apa-apa tanggungan terhadap saya dan tidak lagi mempunyai tanggungan terhadap sebarang tuntutan pihak pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/kontraktor/pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/atau pemegang pertaruhan yang dikemukakan selepas dari tarikh surat ini (sekiranya ada);
2. Mengarahkan LPPSA untuk memberhentikan segala pengeluaran baki bayaran kemudahan pembiayaan yang belum dilepaskan oleh LPPSA kepada pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/kontraktor/pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/atau pemegang pertaruhan;
3. Mengakujanji bahawa saya akan bertanggungjawab untuk memaklumkan pemaju/kontraktor/pelikuidasi/pemegang pertaruhan berkenaan akaun pinjaman perumahan saya yang telah selesai dengan LPPSA dan bertanggungjawab dengan sendiri ke atas tuntutan pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/kontraktor/pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/atau pemegang pertaruhan bagi baki bayaran kemudahan pembiayaan yang masih belum dikeluarkan (sekiranya ada);
4. Mengakujanji bahawa pihak LPPSA tidak akan bertanggung ke atas apa jua implikasi perundangan/kewangan terhadap pemaju/ kontraktor (termasuk mana-mana pemaju/kontraktor/pelikuidasi yang akan mengambil alih projek tersebut) dan/atau pemegang pertaruhan dan/atau mana-mana pihak lain yang timbul hasil daripada akujanji ini;
5. Mengakujanji menanggungruhi kepada pihak LPPSA bagi sebarang kerugian, gantirugi, tuntutan, denda, kos don sebarang perbelanjaan lain (termasuk kos perundangan) yang mungkin akan di tanggung oleh pihak LPPSA sekiranya terdapat sebarang tuntutan atau tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak atas arahan ini; dan
6. Mengakujanji bahawa surat ini ditandatangani secara sukerala tanpa ada sebarang apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan menyedari serta memahami sepenuhnya daripada implikasi menandatangani di sini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

-----  
**Tandatangan Peminjam**

**No. K/P :**

**Tarikh :**

**No. Telefon:**